



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

**ANGKA PERDAGANGAN JANUARI-FEBRUARI MALAYSIA BERTAMBAH BAIK,
SEIRING UNJURAN PEMULIHAN PERDAGANGAN DUNIA 2024[#]**

Malaysia Kekal Pertumbuhan Perdagangan bagi Dua Bulan Pertama Tahun 2024, Buka Jalan bagi Pemulihan Perdagangan

Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan trend positif pada **Februari 2024**, meningkat **3.3%** kepada **RM211.79 bilion** tahun ke tahun. Eksport mengurang secara marginal sebanyak 0.8% kepada RM111.33 bilion manakala import meningkat 8.4% kepada RM100.46 bilion. **Perdagangan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun bagi dua bulan berturut-turut pada tahun ini** dan merupakan nilai bulanan tertinggi dalam sejarah perdagangan Malaysia bagi bulan Februari. **Lebihan dagangan bernilai RM10.87 bilion**, dan merupakan **lebihan dagangan yang ke-46 bulan berturut-turut** sejak Mei 2020.

Prestasi perdagangan negara mengekalkan trend peningkatan untuk **dua bulan pertama tahun 2024**, dengan mencatatkan **pertumbuhan 8.3%** kepada **RM446.43 bilion** berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport meningkat 3.9% kepada **RM233.74 bilion**, disumbang oleh kenaikan tahun ke tahun eksport barang perkilangan sebanyak 3.4% kepada **RM196.75 bilion**. Ini telah dipacu oleh peningkatan eksport bagi barang besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan serta keluaran petroleum. Sementara itu, import, meningkat 13.6% kepada **RM212.69 bilion**, menghasilkan lebihan dagangan sebanyak **RM21.04 bilion**. Berbanding Januari 2024, **lebihan dagangan meningkat 6.9%**.

Perdagangan global dijangka pulih pada tahun 2024. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah mengunjurkan perdagangan barang pada tahun 2024 tumbuh 3.3%, manakala Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan perdagangan global berkembang sebanyak 3.3%. IMF juga menyasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia meningkat sebanyak 3.1%. Angka-angka ini akan disumbang oleh prospek pertumbuhan yang lebih baik bagi dua pasaran ekonomi terbesar dunia, [Amerika Syarikat \(AS\)](#) dan [China](#) yang merupakan rakan dagang utama Malaysia. Tinjauan global yang lebih baik ini juga disokong oleh perbelanjaan swasta dan awam yang lebih kukuh, serta peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh, pemulihan rantaian bekalan serta harga bekalan tenaga dan komoditi yang lebih murah.

MITI dan agensinya, MATRADE terus optimis dan sentiasa memberi perhatian kepada risiko-risiko global, dan pada masa yang sama bertindak proaktif mencari **peluang eksport di pasaran-pasaran sedia ada dan baharu, seperti yang telah digariskan di dalam [Rangka Tindakan Perdagangan Nasional](#)**. Seterusnya, berpandukan kepada [Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030](#), MITI juga menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi, yang akan meningkatkan nilai eksport pembuatan dan perkhidmatan Malaysia di masa hadapan.

MITI secara aktif menggalakkan pengeksport Malaysia untuk memanfaatkan faedah-faedah di bawah [16 Perjanjian Perdagangan Bebas \(FTA\) \(7 FTA dua hala dan 9 FTA serantau\) yang telah ditandatangani dan dalam pelaksanaan](#), termasuk dua FTA utama iaitu **Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP)** dan **Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)**.

Butiran lanjut mengenai **Prestasi Perdagangan Malaysia bulan Februari 2024 dan Januari hingga Februari 2024** boleh didapati di [Lampiran](#) di bawah, yang perlu dibaca bersama dengan [Nota](#) yang mengiringi laporan ini.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
18 MAC 2024

Mengenai MITI

MITI ialah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan berkualiti dan mengukuhkan lagi status negara yang semakin meningkat sebagai sebuah negara perdagangan yang berdaya saing di peringkat dunia. Objektif dan peranannya berorientasi kepada memastikan pembangunan pesat ekonomi Malaysia serta membantu mencapai matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Strategik, MITI

Tel : +603 6200 0083

Faks : + 603 6206 4293

Email : alluks@miti.gov.my

Lampiran

Prestasi Eksport Sektor Utama.....	5
Eksport Hasil Galian Kembali Meningkat dengan Pertumbuhan Dua Digit	5
Barangan eksport utama pada Februari 2024:	5
Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama.....	6
ASEAN – Perdagangan, Eksport dan Import Meningkat pada Dua Bulan Pertama Tahun 2024.....	6
Pecahan eksport ke negara ASEAN:.....	6
China – Eksport Meningkat Bulan ke Bulan	7
AS – Perdagangan, Eksport dan Import Rekod Pertumbuhan Dua Digit	8
EU – Perdagangan Kekal Pertumbuhan bagi Dua Bulan Berturut-turut	8
Jepun – Perdagangan, Eksport dan Import Catat Pertumbuhan.....	9
Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA	10
Prestasi Import	11
# Nota:.....	12
JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA.....	13
JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (FEBRUARI)	14
JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (FEBRUARI)	14
JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- FEBRUARI).....	15
JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-FEBRUARI).....	15
JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (FEBRUARI)	16
JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (FEBRUARI)	16
JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-FEBRUARI).....	17
JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-FEBRUARI).....	17
CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2018-FEBRUARI 2024#....	18

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Hasil Galian Kembali Meningkat dengan Pertumbuhan Dua Digit

Pada Februari 2024, eksport barangan perkilangan yang merangkumi 83.6% daripada jumlah eksport menyusut 2.4% tahun ke tahun kepada RM93.08 bilion. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum serta kimia dan bahan kimia. Sementara itu, pengembangan eksport dicatatkan bagi barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan kertas dan palpa serta barangan makanan diproses.

Eksport hasil galian (9.7% syer) kembali meningkat dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 16.8% kepada RM10.74 bilion disokong oleh eksport yang kukuh bagi gas asli cecair (LNG), petroleum mentah serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain.

Eksport keluaran pertanian (6.1% syer) berjumlah RM6.81 bilion, mengurang 4.8% berbanding Februari 2023 disebabkan oleh penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit berikutan penyusutan harga eksport.

Barangan eksport utama pada Februari 2024:

- Barangan E&E, bernilai RM39.97 bilion dan merangkumi 35.9% daripada jumlah eksport, mengurang 9.8% berbanding Februari 2023;
- Keluaran petroleum, RM10.54 bilion, 9.5% daripada jumlah eksport, ↓14%;
- LNG, RM6.31 bilion, 5.7% daripada jumlah eksport, ↑16.5%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.81 bilion, 5.2% daripada jumlah eksport, ↓5.7%; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM5.26 bilion, 4.7% daripada jumlah eksport, ↑23.6%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport hasil galian merekodkan pertumbuhan dua digit 10.5% manakala eksport barangan perkilangan dan keluaran pertanian masing-masing mengurang sebanyak 10.2% dan 17.2%.

Prestasi eksport barang perkilangan mengekalkan trend positif pada tempoh Januari hingga Februari 2024, meningkat 3.4% kepada RM196.75 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Ini dipacu oleh kenaikan eksport barang besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan serta keluaran petroleum. Eksport hasil galian naik sebanyak 5.4% kepada RM20.47 bilion disumbangkan oleh kenaikan eksport petroleum mentah dan LNG. Eksport keluaran pertanian bertambah 6.1% kepada RM15.03 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN – Perdagangan, Eksport dan Import Meningkat pada Dua Bulan Pertama Tahun 2024

Pada Februari 2024, perdagangan dengan ASEAN merangkumi 26.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia, menyusut secara marginal sebanyak 0.4% tahun ke tahun kepada RM55.89 bilion. Eksport ke ASEAN jatuh 5.2% kepada RM31.94 bilion disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport barang E&E. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport direkodkan bagi jentera, kelengkapan dan peralatan, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barang besi dan keluli. Import dari ASEAN meningkat 6.7% kepada RM23.96 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- | | |
|-------------|--|
| • Singapura | RM15.66 bilion, mengurang 15.3%, tahun ke tahun; |
| • Viet Nam | RM4.65 bilion, ↑51.9%; |
| • Indonesia | RM4.26 bilion, ↑10.7%; |
| • Thailand | RM4.05 bilion, ↓19.9%; |
| • Filipina | RM2.01 bilion, ↓3.2%; |
| • Brunei | RM638.9 juta, ↑18.3%; |
| • Kemboja | RM402.8 juta, ↑79.9%; |
| • Myanmar | RM258.7 juta, ↓33.9%; dan |
| • Lao PDR | RM3.8 juta, ↓47.7%. |

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan pertumbuhan ialah **Viet Nam**, meningkat sebanyak RM1.59 bilion disebabkan eksport yang kukuh bagi barang E&E dan **Indonesia**, naik sebanyak RM412.9 juta disokong oleh kenaikan eksport keluaran petroleum.

Berbanding Januari 2024, perdagangan, eksport dan import masing-masing mengurang sebanyak 13.8%, 14.4% dan 13%.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2024, perdagangan dengan ASEAN naik 8.4% kepada RM120.75 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport ke rantau ini meningkat 2.2% kepada RM69.26 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN bertambah 18.1% kepada RM51.49 bilion.

China – Eksport Meningkat Bulan ke Bulan

Pada Februari 2024, perdagangan dengan China yang mewakili 15.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia merekodkan pengurangan marginal 0.1% tahun ke tahun kepada RM33.77 bilion. Eksport ke China turut menyusut secara marginal sebanyak 0.4% kepada RM14.3 bilion berikutan penurunan eksport barang E&E. Meskipun mencatatkan pengurangan, peningkatan eksport telah direkodkan bagi LNG, barang kertas dan palpa serta barang perkilangan logam. Import dari China meningkat 0.1% kepada RM19.47 bilion.

Berbanding Januari 2024, eksport bertambah sebanyak 3.1% manakala perdagangan dan import masing-masing jatuh sebanyak 14.6% dan 24.2%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga Februari 2024 mengembang 3.6% kepada RM73.33 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport menyusut 4% kepada RM28.17 bilion berikutan pengurangan eksport barang E&E manakala peningkatan eksport direkodkan bagi keluaran petroleum, barang kertas dan palpa serta barang perkilangan logam. Import dari China meningkat 8.9% kepada RM45.17 bilion.

AS - Perdagangan, Eksport dan Import Rekod Pertumbuhan Dua Digit

Perdagangan dengan AS pada Februari 2024 yang merangkumi 10% daripada jumlah perdagangan Malaysia mengembang 12.5% tahun ke tahun kepada RM21.24 bilion. Eksport ke AS mencatatkan pertumbuhan dua digit 10.1% kepada RM13.58 bilion, disokong oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barang optik dan saintifik. Import dari AS meningkat 17% kepada RM7.67 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport bertambah 0.8%, manakala perdagangan dan import masing-masing menyusut 3.9% dan 11.2%.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2024, perdagangan dengan AS meningkat 15.3% kepada RM43.35 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport merekodkan pertumbuhan dua digit 11% kepada RM27.05 bilion, disokong oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E. Import dari AS meningkat sebanyak 23.3% kepada RM16.3 bilion.

EU - Perdagangan Kekal Pertumbuhan bagi Dua Bulan Berturut-turut

Pada Februari 2024, perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang merangkumi 7.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan peningkatan bagi bulan kedua, naik 3.8% tahun ke tahun kepada RM16.28 bilion. Eksport ke EU jatuh 1.7% kepada RM8.8 bilion berikutan penyusutan eksport keluaran petroleum, barangan perkilangan logam serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport telah direkodkan bagi barang besi dan keluli, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit serta barang E&E. Import dari EU naik 11% kepada RM7.48 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 92.7% daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini adalah:

- Jerman RM2.55 bilion, meningkat 3.0%, tahun ke tahun;

- Belanda RM2.44 bilion, ↓4.4%;
- Belgium RM742.8 juta, ↑13.6%;
- Sepanyol RM596.3 juta, ↑63.2%;
- Itali RM528.4 juta, ↓15.0%;
- Perancis RM447.6 juta, ↓24.6%;
- Hungary RM285.0 juta, ↑108.3%;
- Poland RM260.2 juta, ↑12.2%;
- Republik Czech RM194.5 juta, ↓37.1%; dan
- Sweden RM117.5 juta, ↓1.2%.

Eksport ke pasaran utama EU yang mencatatkan pertumbuhan adalah **Jerman** dan **Belgium** yang masing-masing meningkat sebanyak RM74.3 juta dan RM89 juta, disokong oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E. Sementara itu, eksport ke **Sepanyol** meningkat sebanyak RM230.9 juta disebabkan oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit.

Berbanding Januari 2024, perdagangan, eksport dan import masing-masing mengurang sebanyak 8.9%, 11.5% dan 5.6%.

Pada dua bulan pertama tahun 2024, perdagangan dengan EU naik 4.6% kepada RM34.15 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport meningkat 2.4% tahun ke tahun kepada RM18.75 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi eksport barang E&E, barang perkilangan berdasarkan minyak sawit serta keluaran getah. Import dari EU mengembang sebanyak 7.4% kepada RM15.4 bilion.

Jepun – Perdagangan, Eksport dan Import Catat Pertumbuhan

Pada Februari 2024, perdagangan dengan Jepun yang menyumbang 6.6% kepada jumlah perdagangan Malaysia mengembang sebanyak 6.2% tahun ke tahun kepada RM14.02 bilion. Eksport bertambah sebanyak 5.6% kepada RM7.6 bilion, disokong oleh kenaikan eksport LNG, petroleum mentah dan barang makanan diproses. Import dari Jepun meningkat 6.9% kepada RM6.42 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan import masing-masing mengembang 0.6% dan 16.1%, manakala eksport menyusut 9.6%.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2024, perdagangan dengan Jepun meningkat 2.4% kepada RM27.96 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport naik 4.1% kepada RM16.02 bilion disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi petroleum mentah, barang optik dan saintifik serta barang makanan diproses. Import dari Jepun mengembang 0.3% kepada RM11.94 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Februari 2024, perdagangan dengan rakan dagang FTA yang merangkumi 66% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 1% tahun ke tahun kepada RM139.73 bilion. Eksport ke rakan dagang FTA menyusut sebanyak 2.8% kepada RM75.7 bilion dan import bertambah sebanyak 5.9% kepada RM64.03 bilion.

Meskipun jumlah eksport ke rakan dagang FTA menyusut, kenaikan eksport telah direkodkan ke **Australia**, yang meningkat 16.4% kepada RM3.86 bilion serta **India**, naik 26.8% kepada RM4.26 bilion masing-masing disokong oleh kenaikan eksport petroleum mentah. Sementara itu, eksport ke **Kanada** mengembang 35.8% kepada RM356.8 juta berikutan eksport yang kukuh bagi eksport barang makanan diproses dan eksport ke **Pakistan** bertambah sebanyak 199.1% kepada RM552.3 juta berikutan kenaikan eksport keluaran petroleum.

Berbanding Januari 2024, perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut sebanyak 11%, 10% dan 12.1%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada tempoh dua bulan pertama tahun 2024 meningkat 6% kepada RM296.68 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport mengembang 1.2% kepada RM159.8 bilion dan import naik 12.3% kepada RM136.88 bilion.

Prestasi Import

Jumlah import pada Februari 2024 naik 8.4% tahun ke tahun kepada RM100.46 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 74.1% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM55.77 bilion atau 55.5% daripada jumlah import, meningkat 14.3% tahun ke tahun, berikutan kenaikan import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan;
- **Barangan modal**, bernilai RM10.24 bilion atau 10.2% daripada jumlah import, meningkat 30.3%, disumbangkan oleh pertambahan import barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, bernilai RM8.43 bilion atau 8.4% daripada jumlah import, bertambah sebanyak 19.7%, hasil kenaikan import barangan makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isi rumah.

Berbanding Januari 2024, import barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan masing-masing mengurang sebanyak 5.1%, 25.2% dan 18.4%.

Pada tempoh Januari hingga Februari 2024, import mengembang sebanyak 13.6% kepada RM212.69 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Import barangan pengantara meningkat 17.8% kepada RM114.55 bilion, barangan modal (\uparrow 36.5% kepada RM23.93 bilion) dan barangan penggunaan (\uparrow 22.7% kepada RM18.76 bilion).

Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada Rabu, 27 Mac 2024 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan Februari 2024 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 22 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Türkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR, Hong Kong SAR, Kanada, Mexico dan Peru.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, United Kingdom tidak lagi menjadi ahli Kesatuan Eropah (EU).
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barang). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunakan daripada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.
- WTO merujuk kepada perdagangan barang manakala IMF merujuk kepada barang dan perkhidmatan.

JADUAL 1: RINKASA N PERDAANAN LUAR MALAYSIA

<u>Tahun/ Tempoh</u>	<u>Jumlah Ekspor (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbalan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
2023^p				
Januari	112,655.3	94,524.7	18,130.5	207,180.0
Februari	112,268.5	92,699.9	19,568.6	204,968.4
Mac	129,668.2	102,979.8	26,688.5	232,648.0
April	105,192.9	92,566.7	12,626.2	197,759.6
Mei	119,510.3	103,812.0	15,698.3	223,322.3
Jun	123,951.7	98,403.1	25,548.7	222,354.8
Julai	116,811.0	99,456.2	17,354.8	216,267.2
Ogos	115,029.0	97,848.6	17,180.4	212,877.6
September	124,309.9	99,936.2	24,373.7	224,246.1
Oktober	126,091.6	113,187.2	12,904.4	239,278.7
November	121,735.6	109,501.5	12,234.1	231,237.1
Disember	118,379.3	106,630.6	11,748.7	225,009.9
2023 (Jan-Dis) ^p	1,425,603.4	1,211,546.5	214,056.9	2,637,149.9
2024^p				
Januari	122,410.5	112,238.0	10,172.5	234,648.5
Februari	111,329.0	100,456.8	10,872.2	211,785.8
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<i>-9.1</i>	<i>-10.5</i>	<i>6.9</i>	<i>-9.7</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>-0.8</i>	<i>8.4</i>	<i>-44.4</i>	<i>3.3</i>
Jan-Feb 2023 ^p	224,923.8	187,224.6	37,699.2	412,148.4
Jan-Feb 2024^p	233,739.5	212,694.8	21,044.7	446,434.3
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>3.9</i>	<i>13.6</i>	<i>-44.2</i>	<i>8.3</i>

- *Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.*

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

JADUAL 2: BARANAN UTAMA EKSPORT (FEBRUARI)

Barangan	Feb 2024 ^p	Jan 2024 ^p	Feb 2023 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	111,329.0	122,410.5	112,268.5	-9.1	-0.8
Barangan E&E	39,967.2	44,023.0	44,323.7	-9.2	-9.8
Keluaran Petroleum	10,540.6	14,806.3	12,259.8	-28.8	-14.0
LNG	6,311.3	6,051.5	5,416.1	4.3	16.5
Kimia & Bahan Kimia	5,806.4	6,033.6	6,158.1	-3.8	-5.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,256.0	5,491.5	4,251.4	-4.3	23.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,800.0	6,150.3	5,379.4	-22.0	-10.8
Barangan Perkilangan Logam	4,691.3	4,970.3	4,721.5	-5.6	-0.6
Barangan Optik & Saintifik	4,159.1	4,897.8	4,010.9	-15.1	3.7
Barangan Besi & Keluli	3,267.3	3,476.5	2,144.8	-6.0	52.3
Petroleum Mentah	3,171.9	2,328.0	2,327.5	36.2	36.3

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (FEBRUARI)

Pasaran	Feb 2024 ^p	Jan 2024 ^p	Feb 2023 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	111,329.0	122,410.5	112,268.5	-9.1	-0.8
Singapura	15,659.1	17,431.6	18,479.6	-10.2	-15.3
China	14,297.6	13,867.4	14,359.4	3.1	-0.4
AS	13,575.5	13,472.5	12,330.8	0.8	10.1
Jepun	7,603.2	8,415.0	7,196.6	-9.6	5.6
Hong Kong SAR	4,996.5	6,567.1	7,060.2	-23.9	-29.2
Taiwan ROC	4,724.0	4,382.8	3,398.3	7.8	39.0
Viet Nam	4,648.5	6,000.2	3,059.9	-22.5	51.9
ROK	4,344.5	4,217.2	4,821.1	3.0	-9.9
Indonesia	4,261.1	5,573.4	3,848.2	-23.5	10.7
India	4,255.7	3,675.4	3,356.0	15.8	26.8

JADUAL 4: BARANAN UTAMA EKSPORT (JANUARI -FEBRUARI)

Barangan	Jan-Feb 2024 ^p	Jan-Feb 2023 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	233,739.5	224,923.8	3.9
Barangan E&E	83,990.2	91,386.2	-8.1
Keluaran Petroleum	25,346.8	24,180.8	4.8
LNG	12,362.8	12,091.1	2.2
Kimia & Bahan Kimia	11,840.0	11,938.3	-0.8
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian			
Berasaskan Minyak Sawit	10,950.3	10,667.1	2.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,747.5	8,305.2	29.4
Barangan Perkilangan Logam	9,661.6	8,510.1	13.5
Barangan Optik & Saintifik	9,056.9	8,013.9	13.0
Barangan Besi & Keluli	6,743.7	4,185.2	61.1
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	5,644.6	5,106.1	10.5

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-FEBRUARI)

Pasaran	Jan-Feb 2024 ^p	Jan-Feb 2023 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	233,739.5	224,923.8	3.9
Singapura	33,090.6	36,388.3	-9.1
China	28,165.0	29,329.9	-4.0
AS	27,048.0	24,368.7	11.0
Jepun	16,018.3	15,385.8	4.1
Hong Kong SAR	11,563.6	14,192.8	-18.5
Viet Nam	10,648.7	6,963.7	52.9
Indonesia	9,834.5	7,319.2	34.4
Taiwan ROC	9,106.8	6,501.1	40.1
Thailand	8,979.1	10,695.8	-16.1
Australia	8,745.9	6,945.8	25.9

JADUAL 6: BARANAN UTAMA IMPORT (FEBRUARI)

Barangan	Feb 2024 ^p	Jan 2024 ^p	Feb 2023 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	100,456.8	112,238.0	92,699.9	-10.5	8.4
Barangan E&E	29,641.7	32,884.6	26,871.0	-9.9	10.3
Keluaran Petroleum	13,942.7	11,712.9	12,797.5	19.0	8.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,928.8	8,906.4	5,958.7	-11.0	33.1
Kimia & Bahan Kimia	7,845.3	8,885.7	8,465.3	-11.7	-7.3
Barangan Perkilangan Logam	5,710.8	6,817.3	4,838.4	-16.2	18.0
Petroleum Mentah	3,861.5	5,437.7	5,280.0	-29.0	-26.9
Kelengkapan Pengangkutan	3,626.0	4,148.3	3,624.6	-12.6	0.04
Barangan Besi & Keluli	2,646.3	3,273.1	1,966.1	-19.1	34.6
Barangan Optik & Saintifik	2,418.6	2,694.4	2,219.4	-10.2	9.0
Barangan Makanan Diproses	2,149.7	3,017.6	1,984.4	-28.8	8.3

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (FEBRUARI)

Sumber	Feb 2024 ^p	Jan 2024 ^p	Feb 2023 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	100,456.8	112,238.0	92,699.9	-10.5	8.4
China	19,472.9	25,696.1	19,460.6	-24.2	0.1
Singapura	12,479.2	13,954.2	9,638.2	-10.6	29.5
AS	7,665.5	8,632.7	6,550.0	-11.2	17.0
Taiwan ROC	7,352.6	7,748.9	7,794.1	-5.1	-5.7
Jepun	6,415.5	5,523.9	6,003.9	16.1	6.9
ROK	5,434.9	4,078.7	4,641.4	33.3	17.1
Indonesia	4,560.4	4,958.1	5,026.5	-8.0	-9.3
Thailand	4,041.4	4,565.7	4,316.3	-11.5	-6.4
India	3,095.9	3,137.7	2,613.2	-1.3	18.5
Arab Saudi	2,936.9	3,580.5	3,305.1	-18.0	-11.1

JADUAL 8: BARANAN UTAMA IMPORT (JANUARI -FEBRUARI)

Barangan	Jan-Feb 2024 ^p	Jan-Feb 2023 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	212,694.8	187,224.6	13.6
Barangan E&E	62,526.3	55,336.0	13.0
Keluaran Petroleum	25,655.6	21,964.4	16.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	16,835.2	13,150.1	28.0
Kimia & Bahan Kimia	16,731.0	16,851.5	-0.7
Barangan Perkilangan Logam	12,528.2	10,533.6	18.9
Petroleum Mentah	9,299.2	9,776.1	-4.9
Kelengkapan Pengangkutan	7,774.3	7,779.1	-0.1
Barangan Besi & Keluli	5,919.4	3,840.7	54.1
Barangan Makanan Diproses	5,167.3	4,258.3	21.3
Barangan Optik & Saintifik	5,113.0	4,559.8	12.1

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-FEBRUARI)

Sumber	Jan-Feb 2024 ^p	Jan-Feb 2023 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	212,694.8	187,224.6	13.6
China	45,169.0	41,486.8	8.9
Singapura	26,433.4	18,065.9	46.3
AS	16,298.2	13,216.1	23.3
Taiwan ROC	15,101.5	14,317.3	5.5
Jepun	11,939.4	11,906.7	0.3
Indonesia	9,518.6	10,524.5	-9.6
ROK	9,513.6	8,595.7	10.7
Thailand	8,607.1	8,199.7	5.0
Arab Saudi	6,517.4	6,608.3	-1.4
India	6,233.6	5,030.6	23.9

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p – data provisional

CARTA 1: PERDAA NAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2018 -FEBRUARI 2024[#]

